

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 22 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN PANG HOK LIONG [LABIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menjadikan agensi SPRM bertanggungjawab (accountable) kepada Parlimen memandangkan skandal kecurian wang sejumlah RM25 juta oleh pegawai-pegawai kanan agensi tersebut baru-baru ini yang telah mencemarkan imej dan integriti agensi SPRM dengan teruk. Kalau tidak, apakah sebabnya.

JAWAPAN

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPRM secara keseluruhannya tidak diletakkan di bawah mana-mana kuasa pihak tertentu. SPRM menjunjung prinsip pengasingan kuasa dimana SPRM bertanggungjawab untuk mengesan dan menyiasat kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 dan Seksyen 58 seterusnya menyatakan dengan jelas bahawa pendakwaan kes di bawah akta ini tidak boleh dijalankan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

NO. SOALAN : 34

Selaras dengan penubuhan SPRM, lima mekanisme telah diwujudkan sebagai check and balance terhadap perjalanan SPRM dalam melaksanakan fungsi dan peranannya. Lima mekanisme tersebut adalah Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR), Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Jawatankuasa Aduan (JKA), Panel Penilaian Operasi (PPO) dan Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR).

Kelima-lima badan khas ini diwujudkan bertujuan untuk memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam keseluruhan perjalanan SPRM dan membantu memenuhi harapan masyarakat terhadap kebebasan, kecekapan, keberkesanan, ketelusan dan akauntabiliti Suruhanjaya dalam pelaksanaan kewajipan undang-undang yang telah ditetapkan. Lebih penting lagi, perjalanan SPRM akan menjadi lebih telus dan terbuka untuk diawasi oleh pihak yang berkecenderungan untuk membendung sebarang penyalahgunaan kuasa atau pengaruh keterlaluan oleh pihak Eksekutif.

Menerusi lima mekanisme ini, SPRM merupakan satu-satunya agensi di Malaysia yang memberi akses kepada ahli-ahli badan bebas yang mewakili orang awam, terdiri daripada bekas pegawai-pegawai kanan kerajaan, ahli-ahli politik (kerajaan dan pembangkang), golongan profesional dari kalangan ahli perniagaan dan sektor korporat, ahli akademik, peguam dan individu-individu yang disegani untuk bersuara dalam menentukan rentak serta fungsi SPRM. Laporan Tahunan SPRM juga dibentangkan di Parlimen bersama dengan Laporan Lembaga Penasihat dan Jawatankuasa Khas untuk ditatap dan diteliti oleh semua pihak. Bukan itu sahaja, ahli-ahli parlimen boleh mengemukakan sebarang pertanyaan berhubung ketiga-tiga laporan tersebut.

Sekian, terima kasih.